

## KHUTBAH JUMAAT

### 'KASIH SAYANG MENCORAK KEMANUSIAAN'

(13 Julai 2018M/ 29 Syawal 1439H)

---

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ :

إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ سَيَجْعَلُ لَهُمُ الرَّحْمَنُ وُدًّا ﴿٩٦﴾

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ. وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ  
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ  
دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita sama-sama mempertingkatkan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintahNya dan menghindarkan diri daripada segala tegahanNya. Semoga kita tergolong dalam kalangan hambaNya yang berjaya di dunia dan di akhirat kelak, insya Allah. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk '**Kasih Sayang Mencorak Kemanusiaan**'.

#### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kini kita berada di penghujung bulan Syawal. Sepanjang bulan Ramadhan dan Syawal, secara sedar mahupun tidak sedar, kita sebenarnya telah dididik dengan satu sifat yang mulia dan nilai kemanusiaan yang amat tinggi iaitu sifat kasih dan sayang. Kasih dan sayang terhadap keluarga dan sanak saudara, jiran tetangga

dan sahabat handai, malah terhadap manusia seluruhnya. Semuanya diperolehi melalui ibadah puasa, amalan saling menziarahi dan memaafkan antara satu sama lain serta bersimpati dan bersedia menghulurkan bantuan kepada orang yang memerlukan.

Islam telah mengajar kepada kita nilai keinsanan yang sewajarnya ada di dalam diri kita. Nilai keinsanan dan sifat kasih sayang inilah yang akan memancarkan cahaya kebenaran Islam dalam masyarakat sejagat. Kasih sayang itu memaparkan ciri rahmah yang terkandung di dalam Islam. Jika kita amati setiap surah di dalam al-Quran, kita akan dapati bahawa setiap surah dimulakan dengan perkataan *Bismillahir Rahmanir Rahim* atau dikenali sebagai 'Basmalah', kecuali pada surah At-Taubah. Ia membawa maksud: "*Dengan nama Allah yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang*".

Dari sekian banyak sifat atau nama Allah, namun yang terpilih dalam Basmalah adalah Ar-Rahman dan Ar-Rahim. Apakah rahsianya saudara? Dan apakah yang dimaksudkan dengan Ar-Rahman dan Ar-Rahim?

Mengikut sebahagian ulama tafsir, perkataan 'ar-Rahman' dan 'ar-Rahim' dipilih bagi menjelaskan sifat Allah di dalam 'Basmalah' kerana sifat ini adalah sifat yang paling dominan. Kedua-duanya terbit dari akar kata yang sama iaitu Rahmah. Ar-Rahman menggambarkan curahan rahmat Allah kepada sekalian makhluk-

Nya, sedangkan Ar-Rahim menjelaskan bahawa Allah memiliki sifat rahmat yang khusus menghiasi dzat-Nya.

Menurut sebahagian ulama, antaranya Syeikh al-'Iz ibn Abdus Salam yang menegaskan bahawa penyebutan sebanyak itu membawa erti bahawa Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kepada insan contoh sifat-sifatNya sendiri sebagai satu peluang untuk mereka mencontohinya, potensi agar ia dapat dikembangkan; iaitu sebagaimana Allah dikenali dengan sifat Maha Pengasih dan Maha Penyayang, begitulah manusia diperintahkan untuk menghiasi diri mereka dengan sifat pengasih dan penyayang.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kasih sayang Allah *subhanahu wata'ala* kepada insan tiada bandingnya dengan sifat kasih sayang yang ada di sisi insan. Kerana kasih sayangnya Allah *subhanahu wata'ala* kepada insan tiada bertepi. Lihat sahaja diri kita sekarang ini, pada saat ini, setiap di antara kita merasakan kesan daripada kasih sayang illahi.

Dia mengurniakan nikmatNya secara berterusan, walaupun kadangkala kita tersilap langkah dan berdosa. Dia mengurniakan kepada kita nikmat hidup berkeluarga, anak-anak dan isteri, sama ada kita mensyukurinya ataupun sebaliknya. Bahkan, setiap degupan nadi di dalam jasad ini, setiap hembusan nafas, merupakan nikmat kurniaan Allah *subhanahu wata'ala*. Perhatikan sahaja, nikmat kurniaan Yang Maha Esa kepada kita seperti pendidikan, pekerjaan, keluarga, ketenangan dan keamanan. Subhanallah! Ternyata nikmatNya mencurah-curah, walaupun

kadangkala, rasanya diri ini tidak layak untuk menerima curahan nikmat tersebut. Allah *subhanahu wata'ala* berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 32-34 :

اللَّهُ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ وَأَنْزَلَ مِنَ السَّمَاءِ مَاءً فَأَخْرَجَ بِهِ مِنَ الثَّمَرَاتِ رِزْقًا لَكُمْ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْفَلَكَ لِتَجْرِيَ فِي الْبَحْرِ بِأَمْرِهِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ الْأَنْهَارَ ﴿٣٢﴾  
وَسَخَّرَ لَكُمُ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ دَائِبَيْنِ ۗ وَسَخَّرَ لَكُمُ اللَّيْلَ وَالنَّهَارَ ﴿٣٣﴾ وَءَاتَاكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا ۗ إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

**Maksudnya :** Allah jualah yang menciptakan langit dan bumi, dan menurunkan hujan dari langit lalu mengeluarkan dengan air hujan itu buah-buahan untuk menjadi makanan bagi kamu; dan Ia yang memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahNya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya). Dan Ia juga yang menjadikan matahari dan bulan sentiasa beredar, untuk kepentingan kemudahan kamu, dan yang menjadikan malam dan siang bagi faedah hidup kamu. Dan Ia telah memberi kepada kamu sebahagian dari tiap-tiap apa jua yang kamu hajati. Dan jika kamu menghitung nikmat Allah nescaya lemahlah kamu menentukan bilangannya. Sesungguhnya manusia (yang ingkar) sangat suka menempatkan sesuatu pada bukan tempatnya lagi sangat tidak menghargai nikmat Tuhannya.

Kasih sayangNya tidak pernah terputus. Segalanya Dia kurniakan kepada kita. Ia merupakan tanda kasih sayang illahi kepada insan.

Kerana itu, kita dituntut agama untuk bersifat rahmah dan berkasih sayang antara insan, hapuskan bibit-bibit permusuhan dan kebencian.

### **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Marilah kita menghayati kehidupan Nabi *sallallahu alaihi wasallam* dengan para sahabat, serta mempelajari bagaimana mereka memupuk perasaan kasih sayang antara masyarakat. Sehingga lahirnya masyarakat yang saling berkasih sayang antara satu dengan yang lain. Sehingga lahirnya masyarakat yang memiliki sifat dan sikap saling peduli antara satu dengan yang lain. Sayyidatina Aisyah *radhiallahu anha* pernah berkata:

*"Keluarga Nabi Muhammad sallallahu alaihi wasallam tidak pernah rasa kenyang memakan roti gandum, selama dua hari berturut-turut."*

*(Hadis riwayat Imam at-Tirmizi)*

Subhanallah! Nabi *sallallahu alaihi wasallam* memilih untuk meneruskan kehidupan yang sederhana sedemikian rupa, kerana baginda sering mengedepankan keperluan golongan lain yang memerlukan. Siapa yang pernah menunaikan haji ataupun umrah, lalu menziarahi Masjid Nabawi, pasti akan melihat kesan kepedulian ini bersebelahan dengan rumah Nabi *sallallahu alaihi wasallam*. Lihat sahaja bagaimana Nabi *sallallahu alaihi wasallam* sebagai seorang pemimpin meletakkan golongan yang paling memerlukan, bukan berjauhan dari rumahnya, akan tetapi di beranda bersebelahan dengan rumah Baginda. Ia sudah tentu lahir

daripada sifat kasih sayang, dan rahmah terhadap mereka yang ada di sekeliling Nabi *sallallahu alaihi wasallam*.

Sifat ini yang perlu dipupuk dalam kalangan kita. Di dalam mengejar kedudukan serta peningkatan kewangan dan harta, jangan pernah kita lupakan mereka yang tidak berada. Peliharalah diri kita daripada sifat mementingkan diri sendiri, serta mementingkan keperluan peribadi kita sahaja. Hayatilah hadis nabi *sallallahu alaihi wasallam* yang berbunyi:

(( الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَانُ، اِرْحَمُوا مَنْ فِي الْأَرْضِ، يَرْحَمَكُم مَّن فِي السَّمَاءِ ))

**Maksudnya :** “*Para pengasih dan penyayang dikasihi dan disayang oleh Ar-Rahmaan (Allah), rahmatilah yang ada di bumi niscaya kalian akan dirahmati oleh Dzat yang ada di langit*”

*(Hadis riwayat Imam Abu Daud dan Imam at-Tirmizi)*

Dalam kitab 'Faidul Qadir' dijelaskan bahawa kata-kata Nabi *sallallahu alaihi wasallam* “rahmatilah yang ada di bumi” membawa satu maksud yang umum. Ia merangkumi segala jenis makhluk. Bahkan merangkumi berlaku rahmah kepada mereka yang baik, mereka yang buruk, bahkan kepada segala jenis makhluk.

Maka kita sebagai umat Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* juga sewajarnya menjadi rahmat kepada manusia sekeliling kita dan berusaha untuk melaksanakan segala jenis kebaikan kepada masyarakat secara umum, mencontohi kehidupan dan peribadi Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam*.

## **Kaum muslimin yang dirahmati Allah,**

Kemanisan keimanan itu tidak akan hadir kecuali jika kita menggabungkan kecintaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dan Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* dengan kecintaan kepada insan lain. Bagaimana mungkin kita menjadi hamba Allah yang dikasihi, sedangkan hubungan kita bersama ciptaan Allah itu renggang dan dingin? Ataupun kita tidak menghiraukan keadaan golongan yang memerlukan bantuan? Ataupun kondisi kehidupan jiran kita yang mana pada setiap hari kita melintasi depan pintunya? Ingatlah sabda Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* yang bermaksud :

*(( Tiga perkara; sesiapa yang memilikinya, maka ia akan merasakan manisnya iman. Pertama: mencintai Allah dan Rasul-Nya lebih daripada sesuatu yang lain. Kedua: mencintai seseorang hanya karena Allah semata. Dan ketiga: enggan kembali kepada kekufuran sebagaimana ia enggan dilemparkan ke dalam api ))).*

*(Hadis riwayat Imam al-Bukhari dan Imam Muslim)*

Perlu difahami bahawa layanan seseorang insan terhadap insan yang lain akan ditentukan oleh rangka pandangannya atau sangkaannya. Oleh itu sekiranya seorang itu mempunyai orientasi Islam yang memusuhi orang lain, maka ini akan menjejaskan kemampuannya untuk bergaul dengan baik dan lalu berusaha untuk memupuk kesefahaman yang akan menjamin keharmonian antara mereka. Syeikh Dr. Muhammad Saeed Ramadan Al-Buthi *rahimahullah* pernah berkata bahawa: "*Hakikat bahawa kita*

*seorang insan, hamba dan milik Allah subhanahu wata'ala adalah cukup untuk mewajibkan perasaan kasih sayang dan cinta terhadap insan yang lain".*

Semoga Allah *subhanahu wata'ala* mengurniakan kepada kita keberkatan hidup, rahmat dan pengampunanNya. Dan semoga masyarakat kita sentiasa dikurniakan kesejahteraan. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ. وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا، وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.



## KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمَهْدِيِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah! Ampunkanlah dosa dan kesalahan kaum muslimin dan muslimat, mukminin dan mukminat, sama ada yang masih hidup ataupun yang telah meninggal dunia. Ya Allah ! Ampunilah dosa-dosa dan kesalahan kami, ibubapa kami, ahli keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kesejahteraan, kedamaian dan kebahagiaan kepada kami semua dalam kehidupan di dunia ini, lebih-lebih lagi di akhirat kelak.

Ya Allah ! Ya Rahman ! Ya Rahim! Berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada *Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia*, dan juga

pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya *Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak*.

Ya Allah, kami bersyukur ke hadratMu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara kami, khususnya Negeri Sarawak yang tercinta ini, sebagai sebuah negeri yang maju dan sejahtera.

Justeru, kami pohon ke hadratMu ya Allah, buat kami semua dan generasi muda dalam kalangan remaja dan belia generasi pelapis negara dan negeri kami ini, kukuhkanlah iman kami, tingkatkanlah amal ibadah kami, suburkanlah peribadi kami dengan budi pekerti dan akhlak yang mulia, eratkanlah perpaduan kami, murahkanlah rezeki kami, kayakanlah kami dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan keterampilan yang bermanfaat, bimbinglah kami ke jalan yang Engkau redhai, hindarkanlah kami daripada terlibat dalam apa jua unsur negatif yang boleh menjatuhkan maruah diri, keluarga, masyarakat dan negara, lindungilah kami daripada ujianmu seperti banjir besar, kemarau panjang, wabak penyakit, persengketaan, kemiskinan dan kebuluran. Kami berlindung dan bermohon denganMu Ya Allah, semoga negeri kami akan sentiasa bertambah aman, makmur dan berkat.

رَبَّنَا أُنْتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ، أَمِينَ يَا رَبَّ  
الْعَالَمِينَ. عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ  
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ.  
وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ  
يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.